

MyCompetition

Menggalakkan Persaingan, Melindungi Anda

NEWS



Bebas Kartel

Sorotan

Keputusan Cadangan
terhadap Pusat Tuisyen
dan Penjagaan Harian

Advokasi

MyCC Classroom

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

MELANGKAH KE DEPAN DALAM MENGELOMOK PERSAINGAN



YBhg. Dato' Abu Samah Shabudin
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, MyCC

Pencapaian lalu, Kejayaan Masa Hadapan

“ 2018 telah menandakan tahun ketujuh penguatkuasaan undang-undang persaingan di Malaysia dan ulang tahun ke-7 MyCC pada 1 April 2018 ”

Memula tirai tahun baru juga bermakna mengalumengalukan permulaan baru setelah mengharungi 2017 yang penuh peristiwa. Kejayaan yang lepas bakal membuka lebih peluang menuju ke arah kemajuan masa hadapan. Selamat datang ke surat berita terkini MyCC. Dengan semangat dalam menjaga proses persaingan yang bebas lagi adil, dengan penuh sukacita, saya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua. Sukar untuk membayangkan tahun 2017 telah pun berakhir, namun kita bakal meneroka 2018 dengan keyakinan yang penuh.

Di MyCC, kami berbangga dalam menyediakan khidmat pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta Persaingan 2010. Perasaan bangga ini amat sesuai diraikan kerana 2018 telah menandakan tahun ketujuh penguatkuasaan undang-undang persaingan di Malaysia dan ulang tahun ke-7 MyCC pada 1 April 2018.

Di kala MyCC meraikan ulang tahun ke-7 pada 1 April 2018, muncul peluang buat kita semua dalam merenungkan betapa pentingnya peranan Suruhanjaya dalam ekonomi kita. Banyak tonggak yang telah dicapai. Walaupun dalam usia semuda 7 tahun, MyCC telah berjaya menetapkan pendahuluan yang jelas dalam beberapa kes penting. Antara kes terlibat ialah keputusan akhir yang dikeluarkan terhadap Malaysian Airline System Berhad, AirAsia Berhad dan AirAsia X Sdn. Bhd. untuk perkongsian pasaran dan My E.G. Services Berhad kerana menyalahgunakan kedudukan dominannya.

Satu lagi kes penting yang boleh ditonjolkan ialah pelanggaran AP 2010 oleh 24 pengeluar ais Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya, 15 Ahli Persatuan Pengkabelan & Bakeri Sibu, Persatuan Floriculturist Cameron Highlands dan Pengendali Depot Kontena bagi penetapan harga.

Untuk makluman dan pertanyaan editorial,
sila e-mel ccd@mycc.gov.my

Penerbit & Pengedar
Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)
Tingkat 15, Menara SSM@Sentral,
No.7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50623 Kuala Lumpur

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai MyCC, sila layari:
Laman web rasmi MyCC
www.mycc.gov.my

ULANG TAHUN KE-7 DENGAN #BEBASKARTEL

Sambutan ulang tahun ini bertemakan #BebasKartel, dengan mengetengahkan fokus Suruhanjaya dalam memberi pendedahan terhadap persaingan komersial yang adil dan mengatasi amalan kartel. Harapan yang tinggi telah ditetapkan bagi tujuan ini dan siri jelajah #BebasKartel dijalankan untuk mewujudkan kesedaran kepada para pemain industri dan orang awam secara umum mengenai peranan dan Akta Persaingan 2010 (AP 2010).

MyCC juga telah menganjurkan beberapa pertandingan sempena ulang tahun bertema kami, sekaligus menarik penyertaan dari pelbagai lapisan masyarakat umum. Pertandingan yang dianjurkan adalah pertandingan menulis esei, ceramah, pertandingan fotografi dan pertandingan berbasikal yang dikenali sebagai 'MyCC Cycle Cyberjaya "Kayuh Kaw Kaw" 2018'. Sambutan yang memberansangkan dapat disaksikan di mana ramai individu mengambil bahagian dan ini sekaligus membantu menyebarkan kesedaran dan mendidik perusahaan dan orang awam secara umumnya mengenai kepentingan AP 2010.

Tahun 2018 telah menjadi saksi dalam inisiatif dan usaha kami yang pelbagai. Salah satu daripadanya adalah usaha MyCC dalam kegiatan advokasi. Jangkauan kita kepada perniagaan, kumpulan pengguna, badan kerajaan serta pelajar di sekolah menengah dan universiti bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran dan mewujudkan pemahaman yang jelas tentang manfaat persaingan yang adil, peruntukan Undang-undang dan peranan MyCC. Kegiatan advokasi ini dicapai melalui seminar, ceramah dan peraduan.

Selain itu, MyCC telah menerbitkan empat kajian semula pasaran mengenai Penetapan Harga / Bayaran oleh Badan Profesional, Pasaran Broiler Domestik, Farmaseutikal dan Bahan Binaan di bawah Akta Persaingan 2010 untuk mengukuhkan persaingan dalam industri melalui tinjauan pasaran.

Suruhanjaya ini juga berkerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain, dalam memberi nasihat tentang kesan persaingan terhadap dasar-dasar kerajaan.

Melangkah ke dekad yang akan datang, kita akan memastikan peranan dan misi MyCC kekal relevan dengan visi dan misinya. Dengan mengkaji daya pendorong utama yang mempengaruhi MyCC, kami menyedari bahawa struktur pasaran dan keluan perniagaan menjadi semakin kompleks dengan perubahan teknologi.

MyCC juga memberi penekanan kepada kepentingan pembangunan kapasiti di peringkat tempatan dan antarabangsa untuk membangunkan amalan terbaik dan meningkatkan kecekapan tenaga kerja sambil membangunkan pakar-pakar dalam undang-undang persaingan demi mengukuhkan dan meningkatkan rejim penguatkuasaan di Malaysia.

Sebagai agensi penguatkuasaan di Malaysia, MyCC memerlukan ketulusan dan integriti dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk memastikan keyakinan orang ramai terhadap kredibiliti MyCC.

Harapan terbesar saya ialah agar Suruhanjaya ini terus maju ke hadapan dalam tugasnya dan lebih ramai menyedari usaha yang dilakukan. Saya juga berharap agar Suruhanjaya ini menjadi antara agensi penguatkuasaan terbaik dan paling aktif di negara ini. Melangkah ke hadapan, marilah kita terus berkembang sejajar dengan tugas-tugas MyCC yang lebih besar dalam melindungi proses persaingan di pasaran.



MELINDUNGI PERSAINGAN DI MALAYSIA - PERJALANAN 7 TAHUN

Segalanya bermula pada bulan Jun 2010, antara pencapaian yang terawal, dengan tertubuhnya Akta Persaingan 2010 (AP 2010) yang digubal oleh kerajaan Malaysia. Sebagai sebuah badan berkanun dan agensi penguatkuasa dengan cara tersendiri, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mempunyai kuasa separa kehakiman seperti yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010. MyCC sekaligus menyandang tanggungjawab yang besar dalam menguatkuasakan undang-undang yang baru dan kompleks ini di Malaysia.

Tiada cara yang lebih baik dalam melindungi kepentingan pengguna selain melalui AP 2010 kerana ia bertindak sebagai komponen utama dalam melindungi proses persaingan yang akan memacu kecekapan, meningkatkan produktiviti dan pembangunan ekonomi secara keseluruhan. Kualiti produk serta servis akan bertambah baik, pilihan menjadi lebih luas dan kebimbangan tentang harga akan berkurang kerana adanya persaingan, seterusnya menyumbang kepada penjimatan yang besar bagi pengguna.

Walaupun beberapa syarikat dan perusahaan mengamalkan persaingan yang adil, masih terdapat banyak yang mungkin secara langsung menyekat persaingan sama ada dengan menyalahgunakan kedudukan dominan mereka di pasaran atau bersepakat dalam perjanjian antipersaingan. Ini semua dilarang sama sekali oleh AP 2010 kerana perbuatan itu bercanggah dengan matlamat MyCC untuk mewujudkan persaingan yang adil sekaligus melindungi kepentingan pengguna dan perniagaan.

Pelbagai pencapaian yang telah diperoleh oleh MyCC meskipun hanya setelah 7 tahun Akta ini dikuatkuasakan. Antaranya termasuklah tindakan undang-undang yang telah berjaya dikenakan merangkumi penalti kewangan dan amaran, serta menerima akuanji daripada beberapa perusahaan yang didapati melanggar undang-undang. Terdapat banyak kes yang disiasat oleh Suruhanjaya, namun kebanyakannya kes-kes yang disiasat mencakupi perusahaan yang terlibat dalam perjanjian penetapan harga dan segelintir didapati menyalahgunakan kedudukan dominannya.

Antara sektor dan industri yang didapati terlibat di dalam pelanggaran merangkumi industri perkhidmatan, pertanian, perkapalan, makanan dan minuman, industri berat, pengangkutan awam, sektor runcit dan borong, teknologi dan pembuatan. Dengan adanya tindak balas yang strategik, Suruhanjaya terus berusaha secara aktif dalam meneliti tingkah laku anti-persaingan dalam perolehan kerajaan, iaitu penipuan bida yang diklasifikasikan sebagai salah satu kartel tegar.

Dengan pencapaian yang berterusan, pencapaian terbesar oleh Suruhanjaya sejak penubuhannya pada 1 April 2011 adalah penalti kewangan yang dikenakan berjumlah lebih RM28 juta terhadap beberapa syarikat yang didapati melanggar AP 2010. Walaupun ia kelihatan sebagai sebuah kejayaan, namun ia bukanlah saat yang membanggakan bagi negara kita kerana MyCC telah mendapat pelbagai pelanggaran Akta dari semasa ke semasa.

Dalam usaha berterusan bagi menggalakkan persaingan yang adil untuk semua, Suruhanjaya juga telah menganjurkan dan mengambil bahagian dalam beberapa persidangan antarabangsa yang melibatkan pakar tempatan dan antarabangsa, terdiri daripada pihak berkuasa persaingan dan bidang kuasa yang lain di seluruh dunia untuk kerjasama antarabangsa dan pertukaran amalan terbaik.

Setakat ini, Suruhanjaya telah berjaya menyiapkan beberapa kajian semula pasaran mengenai beberapa industri di Malaysia, khususnya di pasaran daging ayam tempatan dan badan profesional, dan yang terbaru mengenai sektor farmaseutikal dan bahan binaan dalam industri pembinaan. Dengan menjalankan kajian sedemikian, Suruhanjaya dan pihak berkepentingan lain dapat memahami struktur pasaran dengan lebih baik, dengan itu membenarkan Suruhanjaya menentukan sama ada tingkah laku syarikat dan perusahaan mempunyai kecenderungan untuk bersaing atau tidak. Kajian semula pasaran ini telah disiarkan kepada umum dan boleh diperolehi di www.mycc.gov.my.

Walaupun berhadapan cabaran yang semakin sukar, MyCC akan terus melaksanakan tanggungjawab yang dipikulnya. MyCC telah menerbitkan beberapa garis panduan dan buku panduan yang bertujuan untuk memudahkan perusahaan dalam mengadaptasi program pematuhan yang komprehensif. Pada masa ini, Suruhanjaya mempunyai 6 garis panduan, yang terdiri daripada aduan, definisi pasaran, larangan terhadap perjanjian antipersaingan, larangan penyalahgunaan kedudukan dominan, penalti kewangan dan rejim kelonggaran. Beberapa buku panduan juga telah disediakan untuk membantu perniagaan dan individu mengetahui hak mereka serta membantu memahami AP 2010. Akta Persaingan 2010: Buku Panduan untuk Masyarakat Awam menggunakan ilustrasi untuk membolehkan orang ramai memahami kepentingan persaingan melalui pendekatan yang lebih mudah.



Melalui usahanya dalam menerbitkan manual dan garis panduan, lebih banyak perniagaan dan perusahaan yang telah memperoleh pengetahuan dan kesedaran seterusnya membantu memacu ke arah persaingan yang adil untuk syarikat-syarikat ini melalui panduan yang sewajarnya. Semua penerbitan ini boleh didapati dan dimuat turun dari laman web MyCC, di mana orang ramai dialu-alukan untuk menggunakan sepenuhnya.

Tujuan Suruhanjaya antara lain adalah untuk memupuk budaya persaingan yang kondusif dalam masyarakat di Malaysia. Dengan itu, dalam merealisasikan usaha tersebut, ia telah melaksanakan lebih daripada 200 program advokasi yang melibatkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), agensi kerajaan, persatuan, institusi pengajian tinggi dan sekolah menengah, yang telah meningkatkan kesedaran mengenai peranan Suruhanjaya dan AP 2010.

Dan pada tahun ini, Suruhanjaya meraikan ulang tahunnya yang ke-7 dengan meningkatkan inisiatif advokasi dengan menganjurkan pelbagai acara. Acara-acara yang diadakan sejak Februari 2018 termasuklah pertandingan menulis esei, pertandingan fotografi, bicara berirama dan siri jelajah bertemakan #BebasKartel di seluruh Malaysia yang merupakan salah satu cara untuk menggalakkan kesedaran persaingan kepada pihak berkepentingan. Bagi 2018, "BebasKartel" diangkat sebagai tema dan digunakan sepanjang acara berlangsung.

Melihat kepada senarai pencapaian Suruhanjaya dalam advokasinya, antara pencapaian terbaiknya melibatkan penganjuran Pertandingan Mahkamah Moot mengenai Undang-Undang Persaingan bagi pelajar universiti selama 2 tahun berturut-turut. Sebelum ini, MyCC telah menandatangani enam (6) Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dan 5 Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Ini membuktikan komitmen MyCC dalam memupuk dan menggalakkan mahasiswa dalam bidang pendidikan dan penyelidikan. Kerjasama ini juga penting dalam memperkenalkan dan memperbaiki subjek atau modul mengenai undang-undang persaingan di kalangan MKM and IPT, serta melahirkan pakar-pakar penyelidikan dalam undang-undang persaingan di Malaysia.

Bukan itu sahaja, MyCC juga telah membangunkan Sistem e-Pembelajaran bagi Pematuhan Persaingan untuk PKS, yang membentuk lebih daripada 90 peratus daripada entiti perniagaan di negara ini.

Sistem ini mendorong Suruhanjaya ke hadapan dalam dedikasinya untuk mendidik komuniti perniagaan, terutama PKS, melalui program pematuhan untuk memastikan mereka mematuhi undang-undang persaingan ketika menjalankan perniagaan mereka.

Sepanjang tahun serta sejak penubuhannya, Suruhanjaya tetap komited dalam melindungi proses persaingan di Malaysia melalui penguatkuasaan, penyelidikan dan penambahbaikan berterusan terhadap program advokasi. Selain memberi manfaat kepada pengguna, penguatkuasaan undang-undang persaingan juga akan memberi manfaat kepada PKS, yang sedia ada dan baru, kerana ia melindungi mereka daripada penyalahgunaan monopoli. Ini akan membantu meningkatkan keuntungan dan kemajuan sesebuah perniagaan melalui inovasi dan kecekapan. Ya, ia merupakan suatu persepsi yang salah jika menganggap bahawa monopoli adalah tidak dibenarkan. Akta ini membenarkan monopoli; namun perlakuan menindas pesaing melalui monopoli, terutamanya terhadap PKS adalah tidak membenarkan di bawah Akta.

Dengan pelbagai usaha yang telah dijalankan, Suruhanjaya tidak akan bertolak ansur dengan syarikat-syarikat yang didapati melanggar AP 2010. Mana-mana syarikat yang didapati bersalah akan didenda tidak lebih daripada 10 peratus daripada jumlah perolehan mereka di seluruh dunia. Buat masa ini, bidang keutamaan Suruhanjaya melibatkan pengenalpastian isu-isu yang berkaitan dengan kos sara hidup dalam beberapa industri utama di Malaysia, seperti sektor farmaseutikal, pengangkutan, makanan, perkhidmatan, e-dagang dan pembinaan.

Selain itu, Suruhanjaya juga dalam proses mengkaji undang-undangnya untuk memenuhi perubahan pasaran dinamik, mengikut amalan terbaik antarabangsa. Ini juga bakal menjadi suatu pencapaian besar buat MyCC dalam usaha bagi mewujudkan persaingan yang adil untuk rakyat Malaysia dengan mewujudkan sistem persaingan yang berkesan. Dasar persaingan dan pihak berkuasa persaingan amat penting dalam memupuk persekitaran kompetitif yang diperlukan untuk peningkatan taraf hidup di Malaysia.

Walaupun selepas 7 tahun penguatkuasaan undang-undang persaingan di Malaysia, ramai yang masih belum mengetahui kewujudannya. Terdapat banyak lagi yang perlu dilakukan sebelum Suruhanjaya boleh dilihat setanding dengan pihak berkuasa persaingan lain dari negara-negara yang lebih maju dengan bidang kuasa yang lebih matang. Sokongan dan kerjasama daripada pihak berkepentingan adalah penting untuk menjadikannya satu kenyataan. Suruhanjaya mengalu-alukan aduan daripada orang ramai mengenai isu persaingan menerusi Suruhanjaya di complaints@mycc.gov.my atau datang terus ke pejabat Suruhanjaya.

PUSAT TUISYEN DAN PENJAGAAN HARIAN DIDENDA KERANA PENETAPAN HARGA



Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengeluarkan keputusan terhadap tujuh (7) pusat tuisyen dan penjagaan harian kerana melanggar seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (AP 2010). Mereka secara kolektif telah bersetuju untuk menetapkan dan menyelaraskan bayaran yang dikenakan untuk perkhidmatan tuisyen dan jagaan harian di kawasan SS19 Subang Jaya. Pihak terbabit telah memeterai perjanjian untuk menetapkan yuran tersebut pada Mei 2017 dan satu notis telah dikeluarkan berhubung perjanjian terbabit

Selepas mengambil kira fakta dan keadaan kes serta peruntukan yang berkaitan dengan Akta dan Garis Panduan Suruhanjaya mengenai Penalti Kewangan, Suruhanjaya telah mengenakan penalti kewangan ke atas semua tujuh (7) pusat tuisyen dan penjagaan harian secara kolektif berjumlah RM33,068.85 untuk tempoh pelanggaran tetapi tidak lebih daripada 10% daripada perolehan mereka di seluruh dunia.

Keputusan tersebut juga memerlukan pihak terbabit untuk segera berhenti dan menghentikan kegiatan penetapan harga dengan serta merta. Pusat tuisyen dan penjagaan harian ini dikehendaki untuk mendaftar serta melengkapkan kursus e-Pembelajaran Suruhanjaya mengenai Pematuhan Persaingan bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam masa satu (1) bulan dari pengeluaran Keputusan.

Suruhanjaya telah memberikan keputusan terperinci termasuk dengan sebab-sebabnya seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 36 AP 2010 untuk membolehkan kesemua tujuh pusat tuisyen dan penjagaan harian diberi peluang untuk memberi maklum balas sewajarnya.

“

Keputusan tersebut juga memerlukan pihak terbabit untuk segera berhenti dan **menghentikan kegiatan penetapan harga**

”




JFTC FAIL TUNTUTAN JENAYAH BAGI TIUAN BIDA DALAM SEKTOR PEMBINAAN KERETAPI

Pelanggaran Akta ini bukan sahaja dapat didapati di dalam Negara kita, tetapi ia juga dapat didapati di negara-negara jiran jauh mahupun yang dekat, walaupun banyak inisiatif yang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan bagi menjaminkan perdagangan yang adil. Di negara Jepun pada awal tahun ini, Mac 2018, *Japan Fair Trade Commission* (JFTC) memfailkan tuduhan jenayah dengan Pendakwa Raya Umum terhadap empat syarikat pembinaan, iaitu Taisei, Kajima, Obayashi dan Shimizu. Dua eksekutif turut didakwa bersama kerana bertanggungjawab keatas aktiviti jualan berkenaan bidaan di Taisei dan Kajima.

Di dalam kes ini, empat syarikat pembinaan tempatan didapati telah membuat persetujuan sesama mereka terlebih dahulu mengenai pemenang bidaan serta membida pada harga tertentu untuk memenangi perjanjian bagi pembinaan stesen terminal baru untuk keretapi Maglev yang diarahkan oleh Central Japan Railway Company (JR Central). JFTC mendapati bahawa dalam perjanjian itu berdasarkan perjanjian yang digariskan mereka, syarikat-syarikat pembinaan telah menempatkan pemenang bidaan untuk pembinaan di Stesen Shinagawa (Kawasan Selatan), Stesen Shinagawa (Kawasan Utara) dan Stesen Nagoya (Kawasan Pusat) dengan bertukar maklumat penting mengenai sebutharga untuk pembidaan. Tindakan-tindakan ini sahaja sudah memadai bagi syarikat-syarikat pembinaan itu untuk menghadapi pendakwaan kerana tidak mematuhi akta yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

Akta Antimonopoli ditubuhkan di bawah undang-undang persaingan Jepun kerana ia memberi sekatan dari segi pentadbiran dan jenayah terhadap kartel yang terlibat dan tipuan bida. Oleh itu, JFTC merupakan badan yang menentukan sama ada tindakan pentadbiran dianggap cukup ketat atau pun tidak, dan juga sekatan jenayah dianggap sesuai atau tidak, selaras dengan "Dasar JFTC berkenaan Tuduhan Jenayah dan Penyiasatan Wajib Kes-kes Jenayah Mengenai Pelanggaran Antimonopoli". Sekiranya didapati bersalah terhadap tipuan bida, sebuah syarikat boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus juta yen, dan denda tidak lebih daripada lima yen atau penjara sehingga 5 tahun untuk seorang individu. Penalti jenayah yang ditetapkan ini dikenakan untuk menetapkan langkah berjaga-jaga bagi membantu menghalang tipuan bida di masa depan yang boleh menimbulkan impak negatif bagi syarikat-syarikat dan individu-individu yang telah akur dan mentaati Akta Antimonopoli.

Sumber: Asia-Pacific Competition Update, April 2018, Isu 22



“ sebuah syarikat boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus juta yen, dan denda tidak lebih daripada lima juta yen atau penjara sehingga 5 tahun untuk seorang individu ”

PERTANDINGAN PENULISAN ESEI #BEBASKARTEL BERKENAAN UNDANG-UNDANG PERSAINGAN 2018

Terdapat banyak program yang dijalankan sempena sambutan ulang tahun ke-7 MyCC! Ini termasuklah Pertandingan Penulisan Esei yang pertama kali dianjurkan oleh Suruhanjaya dengan membawa tema #BebasKartel.

Menerusi pertandingan ini, MyCC terus komited dalam usaha untuk mempromosikan kesedaran, dan pada masa yang sama bertujuan mencari bakat menulis di kalangan mahasiswa dari pelbagai institusi pengajian tinggi di Malaysia. Usaha ini juga bertujuan untuk memastikan bekalan tenaga profesional dan berpendidikan tinggi yang berterusan, khususnya bagi para pelajar undang-undang untuk dilatih mengenai undang-undang persaingan. Secara tidak langsung, ini dapat meningkatkan kefahaman tentang undang-undang persaingan di kalangan mahasiswa, ahli akademik dan universiti di Malaysia.

MyCC telah menetapkan standard yang tinggi dengan mengalu-alukan penyertaan di kalangan belia terutamanya mahasiswa bagi mencabar minda mereka untuk menyatakan kebimbangan dan penyelesaian mengenai persaingan di Malaysia secara berkesan.

Terdapat banyak penyertaan hebat, di mana para mahasiswa merancakkan pertandingan dengan perbincangan dan penyelidikan, sekaligus dapat menyebarkan kepentingan #BebasKartel.

Tema ini dipilih khusus untuk menekankan advokasi MyCC terhadap pasaran antipersaingan bagi memerangi kartel. Topik-topik pertandingan dirumus khas berlandaskan Undang-undang Persaingan dengan tujuan menangani cabaran semasa yang dihadapi oleh MyCC dalam konteks Malaysia.

Pemenang utama bagi pertandingan menulis eseи ini adalah Abdul Mutualib Abdul Shukor dari Politeknik Ungku Omar. Esei beliau mengenai tipuan bida telah menerima anugerah pada sebuah majlis yang diadakan sempena Sambutan Mega MyCC pada 3 April 2018. Pemenang-pemenang pertandingan telah menerima anugerah dari Tetamu Kehormat, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna, YB Dato' Seri Hamzah Zainudin.



terdapat banyak penyertaan hebat, di mana para mahasiswa merancakkan pertandingan dengan **perbincangan** dan **penyelidikan**


SIRI JELAJAH #BEBASKARTEL DENGAN PENGUATKUASAAN AKTA PERSAINGAN 2010

MyCC mencorak langkah ke hadapan dengan menganjurkan pelbagai acara dan program. Semua ini didedikasikan bagi memupuk suasana dan persekitaran yang berpengetahuan untuk perniagaan dan pengguna.

Sempena menyambut ulangtahun MyCC yang ke-7 bagi tahun 2018, Suruhanjaya telah menjalankan program advokasi dengan memberi penekanan terhadap topik #BebasKartel dengan penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 di sembilan buah negeri di Malaysia yang mempunyai peratusan tahap kesedaran dan pengetahuan terhadap Akta Persaingan 2010 yang rendah menurut kajian yang telah dilakukan oleh MyCC sebelum ini. Dengan menembusi negeri-negeri ini, langkah pertama telah dicapai melalui penerimaan mereka untuk diberi panduan selanjutnya.

Siri jelajah tersebut berlangsung selama sebulan sejak Februari hingga Mac 2018. Negeri-negeri yang terlibat adalah Kedah, Terengganu, Perak, Johor, Melaka, Selangor, Negeri Sembilan dan Sarawak. Taklimat telah disampaikan oleh pegawai-pegawai MyCC dan disasarkan kepada pihak berkepentingan seperti agensi-agensi kerajaan, komuniti-komuniti perniagaan, persatuan-persatuan pengguna dan pelajar. Taklimat ini juga telah memberi pengenalan dan cara menggunakan Sistem e-Pembelajaran Program Pematuhan Persaingan untuk PKS kepada para peserta bagi menilai sendiri tahap pematuhan mereka terhadap Akta.

Langkah yang diambil oleh Suruhanjaya ini merupakan satu lagi inisiatif yang cemerlang demi untuk menyokong badan-badan tempatan, perniagaan, pengguna dan juga belia supaya mereka bersedia untuk menjadi lebih kuat secara mental dan juga bersedia untuk mengharungi pasaran semasa dan pada masa yang sama lebih berjaya daripada sebelumnya.



PERTANDINGAN BICARA BERIRAMA #BEBASKARTEL BERKENAAN UNDANG-UNDANG PERSAINGAN 2018



Sambutan ulang tahun menjadi lebih menarik dengan pengajuran pertandingan bicara berirama. Pada 28 Mac 2018, Suruhanjaya telah mengadakan Pertandingan Bicara Berirama buat pertama kalinya berkenaan Undang-undang Persaingan melalui tema #BebasKartel. Pertandingan ini juga dianjurkan sempena ulang tahun ke-7 Suruhanjaya, meraikan penubuhannya dalam menguatkuaskan dan melaksanakan Akta Persaingan 2010.

Suruhanjaya menyedari kepentingan dalam memupuk generasi milenial berkenaan idea persaingan yang sihat disamping menanamkan idea kecekapan, inovasi dan keusahawanan kepada pelajar di peringkat sekolah menengah. Hal ini kerana mereka kelak bakal menjadi ejen transformasi negara pada masa hadapan demi kemajuan negara. Kesedaran terhadap persaingan yang sihat harus bermula dari awal.

Acara ini bukan sahaja sesuai tetapi penting untuk membangunkan minat dan kesedaran di dalam kalangan pelajar tentang undang-undang persaingan di Malaysia, sekaligus dapat menggalakkan bakat berterusan dalam bidang undang-undang persaingan pada masa akan datang.

Bicara berirama adalah pertandingan yang menarik dan menyeronokkan, sambil mengetengahkan kerja berpasukan, disiplin dan kreativiti di kalangan pelajar. Ciri-ciri ini dapat dilihat dengan jelas melalui persembahan terlatih yang ditunjukkan oleh pasukan bertanding di pentas Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur. Kolaborasi diantara MyCC dan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui pertandingan ini telah membawa hasil yang signifikan apabila orator persembahan mampu menonjolkan kefahaman mereka berkaitan persaingan yang adil melalui persembahan yang ditampilkan.

MyCC mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua sekolah yang menyertai pertandingan ini. Gelaran johan telah disandang oleh SMK Jalan Bukit Kajang, naib johan telah dirangkul oleh SMK Convent Bukit Nanas dan SM Sains Kuala Selangor muncul di tempat ketiga.

#BEBASKARTEL "KAYUH KAW KAW" DAN FUN RIDE BAGI MENINGKATKAN KESEDARAN BERKENAAN UNDANG-UNDANG PERSAINGAN

Pada 31 Mac 2018, Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah julung kali menganjurkan "Cycle Cyberjaya #BebasKartel Kayuh Kaw-Kaw 2018" di Dataran Park and Ride, Cyberjaya, sempena sambutan ulang tahun Suruhanjaya yang ke 7 pada 1 April 2018.

Acara ini dianjurkan dengan tujuan utama untuk mendidik orang ramai berkenaan Akta Persaingan 2010 disamping mendekatkan orang awam dengan Suruhanjaya melalui konsep *fun ride* yang santai. Ia juga bertujuan agar orang ramai dapat mengenali rakan baru sambil menikmati keseronokan mengayuh basikal.

Seramai 500 orang telah menyertai program ini dan peserta adalah terdiri daripada ahli kelab berbasikal, orang awam, pegawai kerajaan, rakan media, pelajar, keluarga bersama anak-anak.

Para peserta telah mengambil bahagian dalam kayuhan kategori 30km "#BebasKartel Kayuh Kaw Kaw" dan kategori 2km *fun ride*. Acara gemilang tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Muez Abd. Aziz, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Program ini telah mendapat sambutan hebat daripada ahli komuniti yang mengambil bahagian. "Kayuh Kaw Kaw" dianggap satu aktiviti yang sangat menyeronokkan, dan salah satu tarikan utama dalam acara tersebut merupakan pameran basikal antik dan juga beca yang dibawa khas dari negeri Perak dan Melaka. Suruhanjaya telah mencapai satu kejayaan yang sangat berharga apabila ramai peserta yang mengambil bahagian dalam *fun ride*, berjaya menggalakkan orang ramai untuk lebih sedar tentang kepentingan #BebasKartel.





#BEBASKARTEL MEGA CELEBRATION

Acara kemuncak ulang tahun ketujuh penubuhan Suruhanjaya termasuklah kehadiran dan perasmian oleh **YB Dato' Seri Hamzah Zainudin**, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Sambutan Mega #BebasKartel telah dimulakan dengan sesi perbincangan Meja Bulat oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia pada 3 April 2018 bersama para panel yang terdiri daripada pakar-pakar undang-undang dan agensi-agensi pengawalseliaan yang lain bagi membincangkan isu-isu yang melibatkan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan di negara ini.

Majlis ini berlangsung di hotel terkemuka Kuala Lumpur, Hotel Le Meridien, dan dihadiri oleh 200 tetamu. Sesi perbincangan Meja Bulat ini bertujuan untuk memberikan pendedahan yang menyeluruh tentang fungsi dan peranan Suruhanjaya serta kepentingan dalam mematuhi Akta Persaingan 2010. Ini adalah sebahagian daripada aktiviti-aktiviti advokasi yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya dalam usaha untuk meningkatkan tahap kesedaran dan pemahaman terhadap objektif akta tersebut.

Acara kemuncak ulang tahun ketujuh penubuhan Suruhanjaya termasuklah kehadiran dan perasmian oleh YB Dato' Seri Hamzah Zainudin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Di dalam majlis ini, Suruhanjaya telah melancarkan buku panduan Pelan Advokasi dan Komunikasi Persaingan 2018-2020 yang merupakan strategi Suruhanjaya di dalam menyediakan rangka kerja yang akan dilaksanakan di dalam fasa ketiga pelaksanaan advokasi persaingan di negara ini. Selain itu, video korporat MyCC yang terbaru juga telah ditayangkan dan dilancarkan dalam majlis tersebut.

Majlis ini tidak akan sempurna tanpa kehadiran selebriti terkenal, Lisa Surihani selaku duta Suruhanjaya yang telah menyerikan lagi majlis ini dengan sesi penerangan mengenai kepentingan amalan-amalan persaingan yang sihat.

Di antara acara kemuncak sebelum berlabuhnya tirai majlis merupakan anugerah penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan yang diadakan sepanjang sambutan ulangtahun MyCC bertemakan #BebasKartel. Anugerah penyampaian hadiah tersebut diadakan bagi meraikan para pemenang bagi pertandingan menulis esei, pertandingan fotografi, pertandingan bicara berirama antara sekolah-sekolah menengah dan 'MyCC Cycle Cyberjaya Kayuh Kaw Kaw' yang telah dijalankan sejak Februari lalu.

#BEBASKARTEL PERTANDINGAN FOTOGRAFI MENGENAI UNDANG-UNDANG PERSAINGAN 2018

Memamerkan bakat dan kemahiran menjadi kebiasaan dalam banyak acara pada masa kini, dan selain dari keupayaan untuk dikenali, sama ada secara tempatan ataupun antarabangsa, para peserta biasanya mengambil bahagian dalam pertandingan fotografi untuk mengabadikan gambar mereka, selari dengan keperluan untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu dan topik berkaitan. Tema #BebasKartel 2018 telah digambarkan dengan baik melalui pertandingan fotografi 2018.

Berikut itu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) turut menyambut ulang tahun ke-7 mereka dengan mengadakan pertandingan fotografi dengan menjemput jurugambar profesional dan bukan profesional di seluruh negara bagi menyertai pertandingan ini.

Dengan tema #BebasKartel tahun ini, ia bertujuan untuk mempromosikan media sosial MyCC kepada umum, dan harapannya juga adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai kartel di kalangan orang ramai. Ini secara tidak langsung akan membantu mereka memperoleh pemahaman yang mendalam tentang undang-undang persaingan dan dasarnya. Melalui pertandingan ini, jurugambar-jurugambar juga dapat menangkap intipati tema dan menggambarkan idea-idea ini melalui gambar-gambar yang menakjubkan.

Sekeping gambar mampu melakar seribu perkataan, seperti yang telah dikongsikan jurugambar-jurugambar yang menyertai pertandingan fotografi berdasarkan tema #BebasKartel sekaligus membawa mesej yang hebat.



Mohd Samsi Bin Sumairi

(1st Place)

Kartel kerbau

"Persaingan di kedai borong"



Clement Chow Kay Ment

(2nd Place)

Lampu dan rantai

"Bebas kartel, bebaskan kreativiti,
luaskan peluangmu"



Wong Kid Yie

(3rd Place)

Pelbagai pilihan di pasaraya

"Lebih pilihan untuk semua"

MyCC Classroom

“

antara cara **terbaik** untuk menyampaikan sentimen ini ialah melalui **pengajaran**.

”

MyCC terus komited untuk mewujudkan kesedaran mengenai undang-undang persaingan di kalangan pelajar dan untuk meningkatkan pemahaman keseluruhan mereka tentang rejim persaingan di Malaysia. Berikut MoU yang dimeterai dengan Maktab Koperasi Malaysia dan lima institusi pengajian tinggi lain pada tahun 2015, Suruhanjaya telah menganjurkan sesi pengajaran melalui program 'MyCC Classroom' dengan Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Taylor's University dan Institut Koperasi Malaysia (iCOOP) yang disampaikan oleh pegawai MyCC dari bahagian ekonomi dan penguatkuasaan.

Sesi pengajaran ini adalah satu usaha yang berterusan untuk mengukuhkan kerjasama dan meningkatkan pengetahuan pelajar mengenai undang-undang persaingan dan perkembangan terbaru. Dalam mengukuhkan kesedaran di kalangan pelajar, antara cara terbaik untuk menyampaikan sentimen ini ialah melalui pengajaran.



MyCC Classroom telah memberi manfaat kepada pelajar-pelajar yang terlibat. Dengan budaya pembelajaran mereka, diharapkan kesederhan mengenai undang-undang persaingan dapat terus disebarluaskan.

MyCC akan terus berkembang dan akan terus memupuk minda muda di institusi-institusi pengajian tinggi yang lain mengenai kepentingan dan matlamat Suruhanjaya, terutamanya Akta Persaingan 2010.



Bengkel Pengawalseliaan Telekomunikasi dan Persaingan ASEAN

“

Memperkuatkan lagi hubungan antara **persaingan** dan **bidang ekonomi** lain adalah komponen penting dalam memupuk kesedaran persaingan di rantau ASEAN


”

Bengkel dua hari mengenai Pengawalseliaan Telekomunikasi dan Persaingan ASEAN telah diadakan di Kuala Lumpur pada 25-26 April 2018. Bengkel ini dianjurkan oleh Suruhanjaya Persaingan dan Pengguna Australia (ACCC), dengan kerjasama Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan Sekretariat ASEAN, di bawah Program Pelaksanaan Undang-undang Persaingan AANZFTA (CLIP).

Matlamat utama bengkel ini adalah menguatkan hubungan antara pengawal selia persaingan dan telekomunikasi dengan mengkaji dasar dan undang-undang persaingan serta perkembangan dalam sektor telekomunikasi dan kesalinggenapan antara instrumen persaingan dan pengawalseliaan.

Antara isu yang dibincangkan dalam bengkel termasuk persaingan dalam sektor telekomunikasi di Asia Tenggara, pandangan dari sektor telekomunikasi, kesalinggenapan antara instrumen persaingan dan pengawalseliaan serta objektif yang serupa, kepentingan untuk mengukuhkan hubungan sektor telekomunikasi dan pengawal selia persaingan dan pemahaman yang lebih baik mengenai skop dan struktur institusi masing-masing dalam mempromosikan dan menguatkuasakan persaingan.

Memperkuatkan lagi hubungan antara persaingan dan bidang ekonomi lain adalah komponen penting dalam memupuk kesedaran persaingan di rantau ASEAN. Walaupun sebahagian besar negara-negara ASEAN mempunyai rejim agensi persaingan tunggal dengan pengawasan penuh terhadap dasar persaingan, namun terdapat beberapa sektor seperti tenaga, telekomunikasi atau penerbangan mungkin dikawalselia oleh pihak berkuasa yang berasingan, yang mungkin juga memiliki bidang kuasa terhadap isu-isu persaingan, atau mungkin mempunyai bidang kuasa bersama.



Walau apa pun pendekatan, dalam hal ini, pemahaman yang lebih baik tentang fungsi dan peranan pihak berkuasa pengawalseliaan dan hubungan yang lebih baik dengan agensi-agensi ini akan memudahkan dan meningkatkan bukan sahaja pengetahuan khusus mengenai sektor, tetapi juga membantu untuk membangunkan persefahaman bersama mengenai isu dan cabaran persaingan antara agensi.

BENGKEL SUB-SERANTAU DALAM PEMILIHAN DAN PRIORITISASI SEKTOR ATAU INDUSTRI UNTUK KAJIAN PASARAN

Bengkel dua hari ini adalah anjuran Program Japan-ASEAN Integrated Fund (JAIF), dan merupakan kerjasama antara Komisi Pengawas Persaingan Usaha (KPPU) dan Japan Fair Trade Commission (JFTC).

Berlangsung pada 17 dan 18 Januari 2018 di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, bengkel ini bertujuan untuk membincangkan dengan terperinci isu-isu yang perlu diberi perhatian dalam pemilihan sesuatu tajuk mengikut sektor-sektor keutamaan negara bagi menghasilkan kajian pasaran yang berkualiti dan berkesan.

Di samping itu, bengkel ini turut menyasarkan peranan-peranan agensi persaingan dalam merangka kajian pasaran, penggunaan metodologi dan analisis dalam kajian pasaran serta hubung kait antara agensi persaingan dan penggubal dasar.

Antara tajuk-tajuk perbincangan yang akan dijalankan dalam bengkel ini adalah seperti berikut:

- (a) Objektif kajian pasaran dan kesannya kepada pemilihan dan keutamaan sektor yang akan dikaji;
- (b) Skop pasaran;
- (c) Merangka garis panduan kajian pasaran;
- (d) Metodologi dan analisis umum yang digunakan untuk kajian pasaran;
- (e) Penyediaan saranan dasar menggunakan dapatan kajian pasaran;
- (f) Mengurus hubungan pihak berkuasa persaingan dengan penggubal dasar dalam kajian pasaran; dan
- (g) Mengalakkan kajian dan penilaian muktamadnya.

Bengkel ini telah mendedahkan peserta-peserta kepada teknik-teknik asas dalam merangka dan menghasilkan kajian pasaran yang relevan seperti penentuan skop pasaran, penggunaan metodologi dan analisis dalam kajian pasaran, penyediaan nasihat dasar berdasarkan kepada dapatan laporan kajian pasaran, penyebaran maklumat hasil kajian kepada pihak-pihak berkepentingan, penilaian selepas kajian, dan lain-lain melalui perkongsian daripada pakar-pakar penceramah dari negara Jepun dan Australia serta negara-negara ASEAN lain seperti Singapura, Indonesia dan Filipina.

Malaysia yang diwakili oleh MyCC telah membentangkan kertas kerja mengenai "Objektif Kajian Pasaran dan Kesannya terhadap Pemilihan dan Keutamaan Sektor untuk Dikaji". Bengkel ini diyakini telah menyediakan asas-asas bagi kepakaran teknikal di kalangan pegawai-pegawai agensi persaingan serantau termasuk MyCC bagi menjalankan dan melengkapkan kajian pasaran ke atas sektor atau industri berkepentingan. Ini adalah penting bagi kecekapan sesuatu pasaran tersebut supaya dapat memberi sumbangan dan impak kepada ekonomi negara dari aspek persaingan.

Bengkel ini telah mendedahkan peserta-peserta kepada teknik-teknik asas dalam merangka dan menghasilkan kajian pasaran

FORUM MANILA 2018 MENGENAI UNDANG-UNDANG PERSAINGAN DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN

Suruhanjaya Persaingan Filipina (PCC) telah mengadakan 'Forum mengenai Undang-undang Persaingan di Negara-negara Membangun' bertempat di Manila selama 2 hari pada 1-2 Februari 2018. Forum itu diadakan di Makati Shangri-La, Makati City.

Forum ini dianjurkan bagi menyediakan sebuah platform untuk perbincangan terbuka mengenai teori dan amalan undang-undang dan dasar persaingan dari perspektif negara membangun.

Negara-negara membangun menghadapi cabaran yang unik dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan dasar persaingan mereka dari segi keadaan ekonomi, institusi dan undang-undang. Oleh itu, forum ini adalah peluang untuk pihak berkuasa persaingan yang baru di rantau Asia dan Pasifik untuk terlibat dalam perbincangan global mengenai undang-undang dan dasar persaingan serta belajar dari pengalaman merentas kedua-dua bidang kuasa maju dan membangun.

Topik Forum antara lainnya termasuklah keberkesanannya persaingan di negara-negara membangun, kepentingan umum dalam pembangunan dasar persaingan, dan kesan dasar persaingan pada konglomerat dan PKS.

Forum ini menampilkan pakar persaingan dan pembangunan terkemuka, pemimpin perniagaan terkemuka, pegawai kerajaan peringkat tinggi, termasuk pakar persaingan daripada agensi pembangunan pelbagai hala, profesional, dan institusi akademik.

Forum dianjurkan untuk menyediakan sebuah platform untuk perbincangan terbuka mengenai teori dan amalan undang-undang dan dasar persaingan dari perspektif negara membangun.

BENGKEL PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG PERSAINGAN (CLIP) MODUL SATU: PENYIASATAN KARTEL

S ejak penubuhannya tujuh tahun yang lalu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sentiasa mencari peluang dan prospek dalam memperluaskan pengetahuan mengenai undang-undang persaingan, memerangi kartel serta pelanggaran Akta Persaingan. Peluang-peluang ini dapat diambil melalui forum dan bengkel tempatan dan antarabangsa, yang dihoskan oleh negara-negara maju dan membangun, dan dihadiri oleh para intelektual dan pakar mengenai penguatkuasaan dan pematuhan undang-undang persaingan.

Pada 20 hingga 22 Mac 2018, Suruhanjaya Persaingan Filipina (PCC) menganjurkan Bengkel CLIP Modul Satu: Penyiasatan Kartel di Manila. Bengkel ini telah dihadiri oleh 25 wakil dari PCC dan MyCC, manakala terdapat tiga fasilitator daripada Suruhanjaya Persaingan dan Pengguna Australia (ACCC) yang terlibat.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk mewujudkan platform bagi penguatkuasa undang-undang persaingan dan pihak berkuasa untuk membincangkan dan berkongsi pengalaman teknikal dan proses yang terbaik untuk mengenal pasti, menyiasat dan mengambil tindakan terhadap kesalahan kartel di bawah bidang kuasa Akta Persaingan.

Sepanjang berlangsungnya bengkel, perbincangan juga menggariskan kaedah-kaedah untuk menyelesaikan dan mengelakkan tindakan antipakatan oleh pelbagai pihak berkuasa persaingan seperti ACCC, MyCC dan PCC.

Bengkel itu juga bertujuan untuk menyediakan pegawai-pegawai MyCC dengan platform pembelajaran dan pendedahan dalam menjalankan siasatan serta pendekatan holistik dalam mengesan dan menjalankan pertanyaan mengenai kes kartel.

Melalui bengkel ini, kualiti penyiasatan dan penguatkuasaan MyCC semakin meningkat melalui perkongsian pengalaman oleh agensi persaingan luar seperti ACCC dan PCC.

**Objektif utama bengkel ini adalah
untuk **mewujudkan platform bagi
penguatkuasa undang-undang
persaingan****

PERSIDANGAN TAHUNAN RANGKAIAN ANTRABANGSA INTERNET (ICN)

P ersidangan Tahunan *International Competition Network* (ICN) 2018 telah diadakan di New Delhi, India dari 21 hingga 23 Mac 2018 sebagai sebahagian daripada kewajipannya untuk menyatukan agensi-agensi dari seluruh dunia dengan harapan memperoleh pengetahuan dan strategi baru yang berkaitan dengan undang-undang persaingan.

International Competition Network (ICN) adalah rangkaian agensi persaingan global yang tidak rasmi. Objektif rangkaian ini adalah untuk menyediakan platform bagi semua agensi untuk bersama-sama berkongsi pendapat dan pengalaman berharga dalam memastikan kesaksamaan tindakan yang diambil dalam melaksanakan undang-undang persaingan.

Untuk persidangan 2018 di New Delhi, ICN telah menarik sejumlah besar penyertaan, dan persidangan menyaksikan 73 negara yang terlibat dan menjadi pesta acara yang tidak dapat dilupakan. Ia telah berjaya dicapai dan mendapat sambutan yang bermakna, dengan kredit diberikan kepada Suruhanjaya Persaingan India (CCI) yang menjadi pengatur utama persidangan ini.

Objektif rangkaian ini adalah untuk
menyediakan platform bagi
semua agensi untuk bersama-sama
berkongsi pendapat

Secara keseluruhan, persidangan ini telah merumuskan isu-isu berikut:

- a) Teknologi digital boleh disalahgunakan oleh industri dalam aktiviti kartel;
- b) Aktiviti advokasi juga boleh membantu dalam penguatkuasaan undang-undang persaingan yang berkesan;
- c) Setiap agensi mesti mempunyai ahli ekonomi berpengetahuan dan berpengalaman dalam aspek ekonomi undang-undang persaingan;
- d) Suruhanjaya mesti melabur dalam kebijakan dan pembangunan pekerjanya;
- e) Struktur organisasi mesti sentiasa cemerlang dan bertambah baik dari semasa ke semasa; dan
- f) Suruhanjaya hendaklah menggubal undang-undangnya untuk mempunyai kuasa atas isu penggabungan dan pengambilalihan.

Akhirnya, persidangan seperti ini telah menjadi ruang pertemuan bagi pihak berkuasa persaingan dari seluruh dunia dalam usaha mereka untuk menggalakkan perkongsian pengalaman, amalan terbaik dan perbincangan tentang bagaimana menangani cabaran terkini dan masa depan. MyCC terus mencari platform sedemikian untuk mengembangkan pengalaman dan pengetahuan dari rakan-rakan sebidang mereka di seluruh dunia.

BENGKEL PERSAINGAN APEC MENGENAI REJIM KAWALAN PENGGABUNGAN 2018

“

Bengkel ini bertujuan **menyumbang** ke arah usaha APEC dalam **memantapkan struktur pembaharuan** yang dapat meningkatkan persaingan dalam pasaran di rantau APEC



”

Sebagi langkah awal ke arah mewujudkan kerjasama serantau di kalangan pihak berkuasa undang-undang persaingan ASEAN berkenaan rejim kawalan penggabungan, Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) Papua New Guinea telah menganjurkan Bengkel Persaingan APEC Mengenai Rejim Kawalan Penggabungan yang telah diadakan di Port Moresby, Papua New Guinea pada 1 dan 2 Mac 2018.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah diwakili oleh seorang pegawai dan turut dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada agensi penguatkuasa persaingan dari negara-negara ASEAN.

Bengkel ini bertujuan menyumbang ke arah usaha APEC dalam memantapkan struktur pembaharuan yang dapat meningkatkan persaingan dalam pasaran di rantau APEC. Bengkel ini membawa bersama pakar dan peserta dari rantau APEC untuk membincangkan pelbagai rejim kawalan penggabungan yang digunakan oleh agensi penguatkuasa persaingan.

Antara dapatan penting daripada bengkel ini adalah hasil perbincangan daripada agensi-agensi penguatkuasa persaingan dari Amerika Syarikat, Australia, Chile, Mexico, New Zealand, Vietnam, Papua New Guinea serta Peru yang telah berkongsi ilmu serta kaedah-kaedah yang digunakan untuk memantau dan mengawal penggabungan dan pengambilalihan antara perusahaan serta jenis-jenis rejim kawalan penggabungan seperti kawalan secara mandatori atau kawalan secara sukarela.

Bengkel ini juga membincangkan cabaran yang dihadapi oleh agensi-agensi penguatkuasa persaingan dalam melaksanakan pelbagai jenis rejim kawalan penggabungan termasuk kaedah-kaedah yang digunakan atau yang boleh digunakan oleh agensi persaingan untuk menjadikan mereka lebih efektif.

Bengkel selama 2 hari ini memfokuskan kepada pembangunan agensi-agensi penguatkuasa persaingan dan program-program advokasi persaingan untuk mempertingkatkan kapasiti agensi penguatkuasaan di rantau ASEAN. Bengkel ini merangkumi isu, kaedah-kaedah, panduan serta cabaran dalam memantau rejim kawalan penggabungan serta pengambilalihan yang digunakan oleh agensi-agensi penguatkuasa persaingan di rantau ASEAN.

Selain itu, bengkel ini juga menyediakan platform perbincangan seperti penyediaan keutamaan dan pembangunan pelan perancangan strategik agensi, peningkatan akauntabiliti agensi penguatkuasaan seperti etika dan penilaian sistem, pengurusan pengetahuan dan keberkesanan program, perhubungan awam, kerjasama dan koordinasi bersama pihak berkepentingan serta isu berhubung program advokasi bersama pihak kerajaan, agensi penguatkuasaan dan syarikat-syarikat tempatan.

Secara tidak langsung, semua yang hadir dapat berkongsi ilmu terutama sekali agensi-agensi penguatkuasa persaingan dari Australia, Amerika Syarikat, New Zealand, Papua New Guinea dan Vietnam. Mereka telah berkongsi pengalaman dan pengurusan organisasi yang dilihat penting dan banyak membantu pihak kerajaan khususnya dalam hal berkenaan rejim kawalan penggabungan dan pengambilalihan. Wakil-wakil daripada ASEAN juga dapat bersua muka dan berkenalan dan ini dapat membentuk jalinan perhubungan antarabangsa yang meluas dalam menguatkuasakan undang-undang persaingan.

Bengkel ini amat penting untuk MyCC kerana peraturan dan polisi pengambilalihan dan penggabungan belum termaktub dalam undang-undang persaingan negara kita.

TINJAUAN PERSAINGAN GLOBAL LIVE SINGAPURA: FORUM PENGUATKUASA UNDANG-UNDANG ASIA PASIFIK TAHUNAN KETUJUH



Kajian Persaingan Global (Global Competitive Review, GCR) Live merupakan platform untuk membincangkan hal-hal berkaitan dengan perkembangan undang-undang dan polisi persaingan di peringkat negara anggota Asia Pasifik. Penyertaan forum tersebut dibuka kepada agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang persaingan, pengamal undang-undang, ahli ekonomi, wakil-wakil syarikat dan ahli akademik daripada pelbagai bidang di antara negara anggota.

GCR Live: 7th Annual Asia Pacific Law Leader Forum telah diadakan dari 9 sehingga 10 Mac 2018 di Maxwell Chambers, Singapura. Dalam tempoh dua hari, Forum GCR Live telah berjaya membincangkan topik dan isu-isu berkaitan persaingan serta isu semasa yang memerlukan perhatian bagi menjamin persaingan di dalam pasaran perniagaan dan ekonomi negara serta mengeratkan hubungan antarabangsa sedia ada. Kursus ini telah dibiayai oleh pihak pengatur iaitu Kajian Persaingan Global (GCR).

Tujuan utama GCR dianjurkan adalah untuk membincangkan perkembangan terkini, bertukar pendapat dan pengalaman berkenaan undang-undang serta polisi persaingan yang diamalkan oleh negara anggota. Forum ini turut membincangkan mengenai isu perniagaan dan ekonomi semasa yang berkait rapat dengan hal persaingan. Selain itu, agensi penguatkuasaan persaingan negara Eropah turut hadir memberi nasihat praktikal mengenai pelaksanaan polisi persaingan ini. Justeru, GCR Live merupakan forum penting untuk Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dalam memahami dan bertukar pendapat mengenai pematuhan undang-undang dan polisi persaingan di kalangan negara anggota yang menyertainya. Ia juga dapat memastikan berlakunya perkongsian ilmu dan maklumat berkenaan pelaksanaan undang-undang dan polisi antara dua atau lebih banyak negara.

Forum dua hari ini memberikan gambaran yang jelas dan percambahan pengetahuan mengenai isu persaingan yang baru. Sesi perkongsian pengetahuan dan perbincangan interaktif diadakan dan maklumat berguna dikongsi oleh forum dan peserta. Sesi ini memberi pemahaman yang lebih baik mengenai isu persaingan terkini, isu penggabungan korporat, penyiasatan rentas sempadan, kemajuan teknologi dalam perlakuan antipersaingan dan pengetahuan mengenai status undang-undang persaingan di antara negara-negara ASEAN pada masa ini.

Secara ringkasnya, antara beberapa perkara penting yang dipelajari daripada forum ini termasuk:

- a) Kekangan dalam memperkasakan undang-undang persaingan dianggap sebagai satu cabaran khususnya kepada agensi yang masih baru;
- b) Penguatkuasaan persaingan dan pemantapan undang-undang, polisi dan prosedur siasatan e-dagang bagi menghadapi era ekonomi digital; dan
- c) Pelaksanakan penggabungan dan pengambilalihan perusahaan.

Topik terakhir di atas dianggap penting dan merupakan teras kepada undang-undang persaingan. Malahan kebanyakan negara telah berjaya melaksanakannya melalui notis penggabungan. Hal ini penting khususnya yang melibatkan penggabungan sesuatu perusahaan dari negara luar. Justeru, ketetapan dasar untuk mengkaji mengenai keperluan Akta Persaingan 2010 memasukkan peruntukan perundangan penggabungan dan pengambilalihan perusahaan adalah perlu sejajar dengan perkembangan ekonomi digital dan pasaran global Malaysia.

Dari konteks global, forum ini telah memenuhi matlamatnya untuk terus komited dalam memperbaiki situasi dunia, di mana penguatkuasa persaingan dapat menangani peluang dan cabaran undang-undang persaingan yang diamalkan oleh negara-negara ASEAN hingga ke tahun mendatang.

Sambutan

